

# Annuar: Kerajaan serah kepada BPR

UM 29 MAR 2002

SHAH ALAM 28 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan menyerahkan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk membuat siasatan sewajarnya jika terdapat kes penyelewengan terhadap bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa.

Perdana Menteri berkata, Annuar semalam telah memaklumkan kepadanya bahawa Pas telah membuat aduan kononnya beliau (Annuar) terlibat dalam rasuah.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO menjelaskan, Annuar menemuinya semalam bagi membuat laporan mengenai tugasnya memberikan penjelasan mengenai UMNO di luar negara.

“Bagi kerajaan kalau ada kes rasuah, pihak BPR akan buat siasatan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melancarkan anak syarikat Muhibbah Engineering (M) Bhd., Favelle Favco Cranes (M) Sdn. Bhd. dan kren buatan Malaysia di Jalan Kampung Jawa di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai laporan akhbar hari ini mengenai siasatan yang dijalankan oleh BPR terhadap Annuar berhubung kes penyelewengan wang Projek Pembangunan Rakyat Termiskin bernilai lebih RM36.5 juta.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Badawi pula berharap orang ramai tidak membuat sebarang andaian hanya kerana disoal siasat oleh

Semasa bercakap kepada para wartawan di Cyberjaya hari ini, Abdullah berkata, orang ramai tidak boleh menghukum Annuar sebelum beliau dibuktikan bersalah ataupun sebaliknya.

Abdullah juga berharap Annuar tidak dijadikan sasaran penganiayaan oleh pihak media hanya kerana soal siasat itu.

Annuar ketika dihubungi Utusan Malaysia enggan mengulas laporan akhbar yang mengatakan beliau disoal siasat oleh BPR.